



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 19 NOVEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.	MAFI PASTIKAN BEKALAN MAKANAN CUKUP SEPANJANG MUSIM TENGGUJUH, SH -ONLINE MAFI PERKASAKAN INDUSTRI AKUAKULTUR NEGARA, HAKAH DAILY -ONLINE SASAR PENGELUARAN 630,000 TAN DARIPADA SEKTOR AKUAKULTUR 2025, BH -ONLINE DUA TAHUN 'GAJI' RM10 SEHARI, UM -ONLINE INDUSTRI AGROMAKANAN: SELANGOR DIPERUNTUK RM6.36J, LOKAL, HM -19 GREEN INITIATIVE, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -3 BEKALAN AYAM MUSIM TENGGUJUH CUKUP, NEGARA, KOSMO -16	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
8. 9. 10. 11. 12.	TERENGGANU HARAMKAN JUAL TELUR PENYU, TUNTUNG, SH -ONLINE TERENGGANU KUAT KUASA HARAMKAN JUAL TELUR PENYU, NEGARA, KOSMO -14 TERENGGANU HARAMKAN JUAL TELUR PENYU, NEGERI TERENGGANU, SH -28 SASAR SEKTOR AKUAKULTUR, NASIONAL, BH -16 PENYU MELONJAK DI TERENGGANU, DALAM NEGERI, UM -31	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
13.	KENYATAAN TAWARAN TENDER, BH -C39	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
14. 15. 16. 17. 18. 19.	SASAR RM23 JUTA NILAI JUALAN PRODUK EHSAN, HM -ONLINE KUKUHKAN PELAKSANAAN TANGGUNGJAWAB KPDNHEP, SARAWAK VOICE -ONLINE BELANJAWAN 2022 TERENGGANU: MENYANTUNI DENYUT NADI WARGA TANI, HAKAH DAILY -ONLINE BELI CENDAWAN KOMERSIAL ELAK KERACUNAN MAKANAN: PENSYARAH UMT, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE PKPS SASAR RM23 JUTA NILAI JUALAN PRODUK EHSAN, LOKAL, HM -26 PRODUK JENAMA EHSAN PASAR HASIL PETANI SELANGOR, NASIONAL, BH -25	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

MAFI pastikan bekalan makanan cukup sepanjang musim tengkujuh



Haslina Abdul Hamid (tengah) bersama Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Datuk Zahimi Hassan (kanan) dan Pengerusi Pangsapuri Sri Ayu, Kamarulzaman Masri @ Shaarani (kiri) melihat hasil tanaman yang diusahakan oleh penduduk di Pangsapuri Sri Ayu, Bandar Putera pada Khamis. Foto Sinar Harian/ ROSLI TALIB

KLANG - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memastikan sumber bekalan makanan yang berkualiti dapat disediakan kepada Keluarga Malaysia sepanjang musim tengkujuh.

Ketua Setiausaha (KSU) MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid berkata, pihaknya sentiasa mengadakan kerjasama dengan pihak industri untuk memastikan penyediaan makanan sentiasa ada dan tidak terputus sepanjang musim tersebut.

"Kita sentiasa mengadakan kerjasama dengan pihak industri untuk memastikan supaya penyediaan makanan sentiasa ada dan tidak terputus.

"Saya telah berbincang dengan pegawai MAFI pada Rabu untuk memastikan beberapa solusi bagi kita syorkan kepada pihak kerajaan supaya dapat kita sediakan sumber bekalan makanan yang lebih banyak pada masa depan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Program MAFI Prihatin dan 'Walkabout' Program Pertanian Bandar Negeri Selangor di Pangsapuri Sri Ayu, Bandar Putera di sini pada Khamis.

Hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Datuk Zahimi Hassan.



Beberapa penghuni di Pangsapuri Sri Ayu, Bandar Putera melihat hasil tanaman yang diusahakan dalam Program Kebuniti. Foto Sinar Harian/ ROSLI TALIB.

Mengulas lanjut tentang program pada Khamis itu, Haslina berkata, Program Pertanian Bandar Negeri Selangor iaitu Kebun Komuniti merupakan salah satu inisiatif MAFI untuk membantu masyarakat setempat meningkatkan pendapatan

dan mengurangkan beban perbelanjaan harian.

Menurutnya, MAFI memperuntukkan sebanyak RM3.63 juta melibatkan 117 komuniti yang menerima manfaat daripada inisiatif tersebut setakat November ini.

"Sebenarnya inisiatif ini telah diadakan beberapa tahun lalu, namun ia diperhebatkan semasa negara dilanda pandemik Covid-19 kerana kita lihat ia dapat mengurangkan beban perbelanjaan harian sebanyak 50 peratus kepada penduduk yang terlibat secara langsung dalam projek ini.

"Projek Kebun Komuniti dilaksanakan atas inisiatif masyarakat kawasan tersebut, namun kami di peringkat kementerian sentiasa mendekati mereka untuk memastikan apa yang disediakan dapat dijual," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/11/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

MAFI perkasakan industri akuakultur negara



Negara (DSMN) 2021 – 2025.

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyasarkan pengeluaran dari sektor akuakultur sebanyak 630,000 tan metrik pada tahun 2025.

Timbalan Menteri, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh, berkata sumbangan sektor akuakultur ini diberi tumpuan selari dengan Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan

Katanya, antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh MAFI melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) untuk pembangunan akuakultur ialah memantapkan ladang sinergi melalui pengukuhan projek sedia ada dan penambahan projek atau kawasan baharu.

“Sebanyak tiga buah ladang sinergi akan ditambah dengan sistem ternakan baharu, iaitu di Pulau Aman, Pulau Pinang serta Pulau Pangkor dan Teluk Temenggor, Perak.

“MAFI juga memperkasakan estet ikan dengan mengekalkan produktiviti sedia ada serta menambah estet baharu. Sehingga kini terdapat empat estet telah dibangunkan di Pahang dan sebuah estet di Negeri Sembilan,” katanya menjawab soalan Dato’ Seri Hasan Arifin (BN-Rompin) di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau berkata, kluster ternakan dan pembenihan juga diperkukuhkan dengan mewujudkan program pembenihan ikan seperti siakap, kerapu, tilapia dan udang laut, serta memberikan khidmat sokongan melalui Sistem Penyampaian dan Khidmat Sokongan (SPeKS) Akuakultur.

Selain itu, MAFI mewujudkan Program Aqua Bijou untuk memberi sokongan kepada komuniti dan pengusaha ikan hiasan seperti betta, guppy dan udang hiasan melalui peningkatan kemudahan dan peralatan.

Sementara itu, Dr Muhammad Zawawi berkata beberapa strategi dilaksanakan bagi membolehkan hasil akuakultur dapat dieksport ke luar negara.

Katanya, antara strategi berkenaan ialah pemberian insentif bagi mengalakkan pengusaha akuakultur memohon Persijilan MyGAP, memfokuskan komoditi ternakan akuakultur kepada spesies yang mempunyai permintaan tinggi di luar negara seperti udang putih, ikan kerapu, ikan siakap, udang harimau dan rumpai laut;

“MAFI juga menyediakan kawasan Zon Industri Akuakultur untuk pelabur tempatan dan luar negara berdasarkan potensi sumber kawasan, kesesuaian iklim dan teknologi pengeluaran.

"Turut disediakan ialah insentif fiskal bagi pelabur yang menjalankan aktiviti akuakultur seperti pengecualian cukai sehingga 100 peratus atas pendapatan berkanun perniagaan selama 10 tahun taksiran bagi projek baharu dan lima tahun taksiran bagi pembesaran projek," katanya.

Beliau berkata, strategi lain ialah kemudahan kredit melalui institusi kewangan, menyediakan peruntukan bagi input ternakan dan peralatan, termasuk penyediaan asas infrastruktur berdasarkan kesesuaian terma skop yang diluluskan serta menyediakan peluang kepada usahawan menyertai aktiviti promosi dalam dan luar negara.

Katanya, MAFI juga memberi galakan dan bantuan bagi peningkatan produktiviti akuakultur melalui penggunaan sistem dengan teknologi tinggi dan pemindahan teknologi akuakultur melalui penganjuran kursus ternakan ikan. – **HARAKHDAILY 18/11/21**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/11/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Sasar pengeluaran 630,000 tan daripada sektor akuakultur 2025



KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyasarkan pengeluaran 630,000 tan daripada sektor akuakultur pada 2025.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh, berkata bagi tujuan itu, kementerian melalui Jabatan Perikanan sudah dan sedang melaksanakan usaha pembangunan industri akuakultur

dengan memantapkan ladang sinergi melalui pengukuhan projek sedia ada dan penambahan projek atau kawasan baharu.

"Sebanyak tiga ladang sinergi akan ditambah dengan sistem ternakan baharu iaitu Pulau Aman di Pulau Pinang dan Pulau Pangkor serta Teluk Temenggor di Perak," katanya menjawab soalan Datuk Seri Hasan Arifin (BN-Rompin) mengenai usaha menggalakkan pengeluaran hasil akuakultur untuk eksport di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau berkata, MAFI turut memperkasakan estet ikan dengan mengekalkan produktiviti sedia ada dan menambah estet baharu, selain mengukuhkan kluster ternakan dan pembenihan dengan mewujudkan program pembenihan ikan seperti siakap, kerapu, tilapia dan udang laut.

"MAFI juga akan mewujudkan program Aqua Bijou bertujuan memberi sokongan kepada komuniti dan pengusaha ikan hiasan seperti betta, gupi dan udang hiasan," katanya.

Sementara itu, Nik Muhammad Zawawi berkata, beberapa strategi dirangka untuk mengeksport hasil akuakultur ke luar negara termasuk pemberian insentif bagi menggalakkan pengusaha akuakultur memohon Pensijilan MyGAP (Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia).

"Selain itu, memfokuskan komoditi ternakan akuakultur kepada spesis yang mempunyai permintaan tinggi di luar negara seperti udang putih, ikan kerapu, ikan siakap, udang harimau dan rumpai laut dan menyediakan kawasan Zon Industri Akuakultur (ZIA) untuk pelabur," katanya.

Beliau berkata, MAFI juga akan menyediakan insentif pengecualian cukai sehingga 100 peratus ke atas pendapatan berkanun perniagaan selama 10 tahun dan kemudahan kredit melalui institusi perbankan. – BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/11/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Dua tahun 'gaji' RM10 sehari



NIK Muhammad Zawawi Salleh menyampaikan bantuan one-off dan Prihatin MAFI kepada salah seorang pemandu teksi di Pasir Puteh baru-baru ini. - UTUSAN/TOREK SULONG

PASIR PUTEH: Pandemi mengakibatkan kira-kira 70 pemandu teksi sekitar bandar ini terjejas teruk, dengan rata-rata mereka sekadar meraih pendapatan kira-kira RM10 sehari sejak hampir dua tahun lalu.

Walaupun kelonggaran telah diberikan dengan pelbagai sektor sudah kembali rancak, nasib golongan itu masih tidak berubah, memaksa mereka melakukan pelbagai pekerjaan sampingan untuk hidup.

Berkongsi masalah mereka kepada Utusan Malaysia, Pengerusi Pemandu Teksi Pasir Puteh, Nor Hazilan Idris berkata, selain populariti teksi sendiri yang merudum, stesen perhentian teksi di bandar ini yang jauh dari lokasi tumpuan memburukkan lagi situasi.

Ketika ini katanya, trip popular seperti dari pusat bandar ke Selising, Gaal dan Semerak kini 'sepi' kerana rata-rata penduduk tempatan cenderung menggunakan kenderaan sendiri untuk bergerak.

"Bukan pemandu teksi sahaja yang terkesan. Ia turut melibatkan perkhidmatan bas yang telah menghentikan perkhidmatan mereka di laluan ini kerana ketiadaan penumpang.

"Sudahlah pengangkutan awam semakin tidak popular, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berpanjangan menjejaskan lagi keadaan kami," katanya ketika ditemui di Stesen Teksi Tok Janggut, di sini baru-baru ini.

Terdahulu, Ahli Parlimen Pasir Puteh yang juga Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Nik Muhammad Zawawi Salleh menyampaikan bantuan one off RM200 dan Prihatin MAFI kepada para pemandu teksi di situ.

Nor Hazilan berkata, sejak Covid-19 menyerang negara, 70 pemandu teksi yang berdaftar dengan persatuan itu bersyukur kerana Ahli Parlimen Pasir Puteh prihatin dengan nasib mereka apabila sudah dua kali menyalurkan bantuan.

Sementara itu, seorang lagi pemandu teksi, Nik Hassan Nik Ismail, 68, berkata, dia terpaksa mencari pekerjaan lain untuk menambah sumber pendapatan termasuk menternak lembu secara kecil-kecilan.

"Sejak dua tahun lalu, pendapatan saya dalam RM10 sehari, kadang-kadang tidak ada langsung. Kalau dapat raih RM20 sehari itu ibarat rezeki tambahan. Dalam keadaan penumpang tidak ramai, kami juga perlu bergilir-gilir mengambil penumpang.

"Dulu kami boleh hidup kerana ada ramai pelancong, terutama dari luar negara yang mahu menggunakan perkhidmatan kami ke Kuala Besut sebelum menaiki bot ke Pulau Perhentian. Sekarang itu hanya tinggal kenangan," katanya. -UTUSAN ONLINE

Industri agromakanan: Selangor diperuntuk RM6.36j

Klang: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) memperuntukkan RM6.36 juta kepada Jabatan Pertanian Negeri Selangor sebagai usaha menyokong pembangunan industri agromakanan negara tahun ini.

Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Zahimi Hassan berkata, peruntukan melai-
lui Jabatan Pertanian itu merangkumi pelbagai in-
sentif kepada golongan sa-
sar di Selangor.

“Kerajaan sudah mem-
peruntukkan sebanyak
RM3.6 juta bagi Program Ke-
bunian yang memberi man-
faat kepada 117 komuniti
yang terdiri daripada 1,400
golongan sasar di negeri Se-

langor,” katanya.

Terdahulu beliau me-
nyampaikan insentif perta-
nian bandar dan serahan
bantuan Mafi Prihatin di
Program Mafi Prihatin dan
Walkabout Program Perta-
nian Bandar Negeri Selang-
or di Pangsapuri Sri Ayu,
Bandar Putera di sini, se-
malam.

Yang turut hadir, Ketua
Setiausaha Mafi Datuk Has-
lina Abdul Hamid dan Pen-
garah Pertanian Nege-
ri Selangor, Aza-
har Ibrahim.

Semen-
tara itu,
Haslina
berkata,
prog-

ram berkenaan adalah pla-
tform terbaik pihak Mafi
membantu kumpulan sasar
merasai kesan positif dari-
pada limpahan ekonomi
pertanian melalui projek
pembangunan berimpak
tinggi seperti Program Ke-
bunian Jabatan Pertanian.

Katanya, projek berkena-
an kini semakin mendapat
perhatian dan minat ma-
syarakat kerana dapat
membantu mengurangkan
kos sara hidup rakyat yang
begitu terkesan de-
ngan pandemik
Covid-19.

“Program
ini turut
mendapat
kerjasama

Persatuan Gabungan Peka-
bun Buah-Buahan Malaysia
(FMFFA) dan Persatuan Pe-
kebun Buah-buahan Negeri
Selangor/Kuala Lumpur
yang melaksanakan inisiatif
Tanggungjawab Sosial Ko-
rporat (CSR) melalui sum-
bangan 600 bakul makanan
makanan asas seperti beras
gula, tepung untuk diserah-
kan kepada kumpulan sasar
yang dikenal pasti.

“Saya berharap sumba-
ngan ini dapat membantu
kebaikan dan meningkat-
kan semangat penduduk da-
lam suasana endemik ini.

“Saya merakamkan peng-
hargaan kepada pihak in-
dustri yang memberikan
sumbangan,” katanya.

Kerajaan
peruntuk RM3.6
juta bagi Program
Kebunian

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/11/2021	THE SUN	NEWS WITHOUT BORDERS	3



GREEN INITIATIVE ... Agriculture and Food Industries Ministry officials examine chilli plants grown at the open space of Sri Ayu Apartments in Bandar Putera, Klang during ministry secretary-general Datuk Haslina Abdul Hamid's walkabout yesterday. – **ASYRAF RASID/THE SUN**

MAFI komited pastikan stok makanan berkualiti

Bekalan ayam musim tengkujuh cukup

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**

*** KLANG** - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) komited untuk memastikan bekalan ayam sentiasa mencukupi sepanjang musim tengkujuh yang dijangka bermula bulan depan.

Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid berkata, kementerian sentiasa memastikan sumber bekalan makanan berkualiti dapat dibekalkan untuk semua Keluarga Malaysia.

"Ini terutama dalam keadaan sekarang dengan situasi semasa

yang kita tengok harga makanan mengalami kenaikan disebabkan kenaikan harga makanan ternakan, baja dan racun.

"Sehubungan dengan itu kita sentiasa mengadakan 'engagement' dengan pihak industri untuk memastikan penyediaan (bekalan) makanan sentiasa ada dan tidak putus," katanya kepada pemberita selepas Program MAFI Prihatin dan Walkabout Program Pertanian Bandar Kebuniti di Pangsapuri Sri Ayu Bandar Putera Klang di sini semalam.

Beliau menjelaskan, perbincangan telah diadakan bersama pegawai-pegawai MAFI bagi

memastikan beberapa langkah penyelesaian dapat disyorkan kepada pihak kerajaan untuk memastikan bekalan makanan sentiasa cukup.

Mengulas mengenai program komuniti di pangsapuri tersebut, Haslina berkata, pihaknya akan sentiasa membantu penduduk yang terlibat dengan program terbabit untuk memasarkan sayur-sayuran seperti cili merah dan kobis yang mereka tuai.

"Apa yang membanggakan kesemua sayur-sayuran di sini telah mencapai pemasaran yang optima untuk penduduk setempat," katanya.



HASLINA (duduk) memeriksa hasil tanaman semasa melawat Program Pertanian Bandar Kebuniti di Pangsapuri Sri Ayu Klang, Klang semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Terengganu haramkan jual telur penyu, tuntung



Dr Azman Ibrahim

KUALA TERENGGANU – Terengganu mengharamkan sepenuhnya penjualan telur penyu dan tuntung laut di negeri ini bermula 1 Jun tahun depan bagi memulihara haiwan reptilia marin yang semakin pupus itu.

Undang-undang baharu itu akan dikuatkuasakan susulan pindaan Enakmen Penyu 1951 telah diluluskan pada Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan

Negeri ke-14 (Bajet) pada Khamis.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata, justeru, telur penyu bukan daripada spesis belimbing yang sebelum ini dijual secara terbuka tidak lagi dibenarkan.

“Terengganu satu-satunya negeri yang membenarkan penjualan telur penyu. Larangan hanya membabitkan jualan telur penyu belimbing tetapi sebenarnya spesis ini sudah enam tahun tidak kelihatan mendarat di pantai Terengganu.

“Jadi enakmen sebelum ini sudah tidak relevan kerana telur penyu yang dilarang penjualannya sebenarnya sudah tidak wujud di Terengganu,” katanya kepada media selepas persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini.

Selain larangan penjualan telur penyu, pindaan enakmen baharu itu turut mengetatkan hukuman kepada mereka yang mengganggu atau membunuh penyu iaitu denda antara RM50,000 hingga RM200,000 serta penjara selama setahun.

Menurut Dr Azman, jumlah itu jauh lebih tinggi berbanding denda sebanyak RM3,000 yang dikenakan sebelum ini.

Beliau berkata, undang-undang lebih ketat itu bukan bertujuan menghukum sebaliknya bersifat pencegahan atas dasar melindungi penyu yang merupakan ikon bagi negeri Terengganu.

“Impak pindaan ini tidak begitu besar kerana penjualan telur penyu bukan punca pendapatan utama peniaga di sini selain bukan makanan asasi masyarakat kita.

“Kerajaan negeri melalui Jabatan Perikanan Negeri akan memberikan penerangan peraturan baharu ini kepada pihak yang terlibat sebelum undang-undang itu dikuatkuasakan,” katanya.

Selain itu kata Dr Azman, pindaan Enakmen Penyu 1951 turut meluluskan penubuhan Tabung Amanah Pemeliharaan Penyu bagi membolehkan penubuhan tabung pemuliharaan dan sesuatu caj dapat dilaksanakan.

"Pelaksanaan ini akan banyak membantu kerajaan negeri dan Jabatan Perikanan mendapatkan sumber kewangan secara telus supaya pengurusan dan pemuliharaan haiwan terus dapat dilaksanakan," katanya.

Terengganu kuat kuasa haramkan jual telur penyu

Sidang DUN
TERENGGANU



KUALA TERENGGANU - Terengganu menjadi negeri terakhir di negara ini yang mengharamkan sepenuhnya penjualan telur penyu.

Ia selepas pindaan Enakmen Penyu 1951 diluluskan dengan sebulat suara pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Terengganu, Dr. Azman Ibrahim berkata, individu yang tidak mematuhi peraturan pengharaman penjualan telur penyu tersebut boleh dikenakan tindakan denda sehingga RM250,000 jika sabit kesalahan.

"Pindaan enakmen ini turut memberi penegasan untuk memerangi pihak yang mengganggu dan membunuh penyu di Terengganu," katanya ketika membentangkan usul pindaan Enakmen Penyu 1951 pada Sidang DUN Terengganu di sini semalam.

Azman berkata, pindaan itu

menetapkan hukuman denda bagi kesemua kesalahan tersebut dinaikkan antara RM50,000 dan RM250,000 serta penjara sehingga setahun jika sabit kesalahan.

Tambah beliau, pindaan enakmen sama juga mempe-
runtukkan RM150,000 setahun bagi Tabung Amanah Pemeliharaan Penyu.

"Tabung itu diwujudkan bagi menjalankan pelbagai aktiviti pemuliharaan haiwan reptilia tersebut.

"Ia antara lain akan digunakan untuk membeli semula telur penyu daripada pemajak atau pembekal bagi tujuan pemuliharaan serta aktiviti pendidikan lain," katanya.

Azman berkata, kerajaan negeri Terengganu berharap inisiatif tersebut dapat meningkatkan populasi penyu yang semakin pupus kini.

Kosmo! semalam melaporkan kerakusan sesetengah nelayan menggunakan pukot pari untuk menangkap ikan secara mudah menyebabkan populasi penyu yang berada di perairan Terengganu semakin pupus akibat terjerat di dalam jaring tersebut.

Sejak awal tahun ini, sebanyak 39 penyu telah ditemui mati akibat penggunaan pukot pari oleh nelayan negeri itu.



TERENGGANU kini menguatkuasakan undang-undang bagi mengharamkan penjualan telur penyu.

Terengganu haramkan jual telur penyu

Satu-satunya negeri yang membenarkan penjualan telur penyu di negara ini

Oleh RAHAYU MUSTAFA

KUALA TERENGGANU



DR AZMAN

Terengganu mengharamkan sepenuhnya penjualan telur penyu dan tuntut laut di negeri ini bermula 1 Jun tahun depan bagi memulihara haiwan reptilia marin yang semakin pupus itu.

Undang-undang baharu itu akan dikuatkuasakan susulan pindaan Enakmen Penyu 1951 telah diluluskan pada Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri ke-14 (Bajet) pada Khamis.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata, telur penyu bukan dari spesies belimbing yang sebelum ini dijual secara terbuka tidak lagi dibenarkan.

“Terengganu satu-satunya

negeri yang membenarkan penjualan telur penyu. Larangan hanya membabitkan jualan telur penyu belimbing tetapi sebenarnya spesies ini sudah enam tahun tidak kelihatan mendarat di pantai Terengganu.

“Jadi enakmen sebelum ini sudah tidak relevan kerana telur penyu yang dilarang penjualannya sebenarnya sudah tidak wujud di Terengganu,” katanya kepada media selepas persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini.

Selain larangan penjualan telur penyu, pindaan enakmen baharu itu turut menetapkan hukuman kepada mereka yang mengganggu atau membunuh

penyu iaitu denda antara RM50,000 hingga RM200,000 serta penjara selama setahun.

Menurut Dr Azman, jumlah itu jauh lebih tinggi berbanding denda sebanyak RM3,000 yang dikenakan sebelum ini.

Beliau berkata, undang-undang lebih ketat itu bukan bertujuan menghukum sebaliknya bersifat pencegahan atas dasar melindungi penyu yang merupakan ikon bagi negeri Terengganu.

“Impak pindaan ini tidak begitu besar kerana penjualan telur penyu bukan punca pendapatan utama peniaga di sini selain bukan makanan asasi masyarakat kita.

“Kerajaan negeri melalui Jabatan Perikanan Negeri akan memberikan penerangan peraturan baharu ini kepada pihak yang terlibat sebelum undang-undang itu dikuatkuasakan,” katanya.

Selain itu kata Dr Azman, pindaan Enakmen Penyu 1951 turut meluluskan penubuhan Tabung Amanah Pemeliharaan Penyu bagi membolehkan usaha untuk pemuliharaan dan mengenalkan satu caj khusus dapat dilaksanakan.

“Pelaksanaan ini akan banyak membantu kerajaan negeri dan Jabatan Perikanan mendapatkan sumber kewangan secara telus supaya pengurusan dan pemuliharaan haiwan ini dapat terus dilaksanakan,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/11/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	16

Sasar sektor akuakultur

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyasarkan pengeluaran 630,000 tan daripada sektor akuakultur pada 2025.

Timbalan Menterinya, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh, berkata bagi tujuan itu, kementerian melalui Jabatan Perikanan sudah dan sedang melaksanakan usaha pembangunan industri akuakultur dengan memantapkan ladang sinergi melalui pengukuhan projek sedia ada dan penambahan projek.

“Tiga ladang sinergi ditambah dengan sistem ternakan baharu iaitu Pulau Aman di Pulau Pinang dan Pulau Pangkor serta Teluk Temenggor di Perak,” katanya menjawab soalan Datuk Seri Hasan Arifin (BN-Rompin) di Dewan Rakyat, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/11/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

Penyu melonjak di Terengganu

PUTRAJAYA: Jumlah pendaratan penyu di sekitar pantai Terengganu didapati melonjak 68 peratus dalam tempoh lima bulan pertama tahun ini berbanding tahun lalu.

Menurut hantaran Jabatan Perikanan, sejumlah 3,783 ekor penyu dikesan mendarat di negeri itu untuk bertelur meliputi 3,780 ekor jenis penyu agar dan baki tiga penyu karah.

Malah agensi berkenaan melalui kenyataan ringkas dalam laman sosial rasminya memaklumkan, berlaku pertambahan pendaratan penyu di seluruh negara awal tahun ini.

"Justeru, ayuh kita bersama-sama terus menjaga kebersihan pantai agar segala ekosistem hidupan marin dapat terpelihara dengan lebih baik," pesan nasihat jabatan tersebut.

Menerusi infografik dimuat naik agensi itu, ia membuat perbandingan tempoh sama pada tahun lepas hanya 2,583 ekor dan tahun sebelumnya 2,573 ekor direkodkan di Terengganu.

Antara faktor yang banyak membantu peningkatan itu ialah disebabkan kekurangan

trafik bot pelancong ke pulau peranginan dan gangguan manusia tidak bertanggungjawab di pantai.

Terengganu turut muncul sebagai negeri paling tinggi pendaratan penyu dari 2016 sehingga 2019 dengan merekodkan sebanyak 25,106 ekor, sebahagian besarnya dari jenis agar dan ini diikuti Melaka yang mencatatkan sejumlah 2,087 ekor untuk tempoh empat tahun tersebut selain Pahang (1,535), Johor (1,023), Perak (347), Kedah (186) dan Negeri Sembilan (113).

Terdapat empat jenis penyu yang lazim mendarat di negara ini iaitu belimbing, agar, karah dan lipas.

Demi keselamatan haiwan itu, masyarakat dinasihatkan lebih berhati-hati ketika melancong di tempat yang menjadi habitat penyu bagi tujuan melindungi dan memelihara keberadaannya yang mana spesies ini tidak boleh dipancing, diganggu, diusik, ditangkap atau diambil kerana ia jelas menyalahi perundangan di bawah Seksyen 27, Akta Perikanan 1985.



PENYU belimbing antara spesies yang sering mendarat di pantai Terengganu. - IHSAN JABATAN PERIKANAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/11/2021	BERITA HARIAN	TAWARAN TENDER	C39

228	Notis/Tender Kerajaan	228	Notis/Tender Kerajaan	228	Notis/Tender Kerajaan
-----	-----------------------	-----	-----------------------	-----	-----------------------



INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)

KENYATAAN TAWARAN TENDER TERBUKA

Tender adalah dipelawa kepada individu warganegara Malaysia dan syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk menyertai pembelian harta tanah MARDI seperti berikut:

NO HAKMILIK/ LOKASI	KATEGORI TANAH	KELUASAN (hektari)	HARGA RIZAB (RM)	TEMPOH PENILIKAN	BAYARAN
PN 118448, Lot 183198, Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor	Pertanian	7.578			
PN 118448, Lot 183197, Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor	Pertanian	34.61	200,101,000.00	Pajakan selama 99 tahun, tempoh berakhir pada 21 April 2107	• Dokumen RM5000 (secara tunai dan tidak akan dikembalikan. • Deposit: RM1 JUTA
PN 114316, Lot 139821, Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor	Pertanian	22.78			

- Dokumen tender boleh didapati dengan mengemukakan bayaran tunai pada waktu pejabat (Isnin-Jumaat) pada jam 9.30 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.30 petang hingga 4.30 petang mulai 25 November - 10 Disember 2021 di alamat:

Pusat Pengurusan Kewangan
Ibu Pejabat MARDI
43400 Serdang
03-8953 7104

- Petender adalah dikehendaki menyertakan deposit tender sebanyak RM1,000,000.00 bagi setiap tawaran tender. Deposit tender hendaklah dalam bentuk *banker's cheque* atas nama Ketua Pengarah MARDI. Tawaran tanpa atau kurang deposit tender tidak akan dipertimbangkan.
- Dokumen tender yang telah lengkap diisi beserta *banker's cheque* deposit tender hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat seperti di atas.
- Tarikh taklimat dan lawatan tapak adalah pada 25 dan 26 November 2021 jam 9.30 pagi di alamat lokasi:

MARDI Klang:
Batu 7, Kampung Jalan Kebun
41720 Klang, Selangor
03-5161 1588

- Tarikh tutup tender adalah pada 17 Disember 2021, jam 12.00 tengah hari. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
- Petender yang berjaya dikehendaki mengemukakan baki bayaran 2% daripada nilai tawaran dalam bentuk *banker's cheque* atas nama Ketua Pengarah MARDI sebagai *earnest money* dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh Surat Persetujuan Harga. Baki bayaran hendaklah diselesaikan sepertimana yang ditetapkan di dalam dokumen tender. Bayaran deposit bagi petender yang tidak berjaya akan dikembalikan setelah urusan tender selesai.
- Semua bayaran bagi urusan tender ini hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia dalam bentuk *banker's cheque* (Bank Tempatan atau Bank Antarabangsa yang mempunyai cawangan di Malaysia).
- MARDI berhak untuk membatalkan tender dan tidak terikat untuk menerima tawaran tertinggi serta tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kos yang ditanggung oleh petender berikutan dengan urusan tender ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/11/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

Sasar RM23 juta nilai jualan produk Ehsan



Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) menyasarkan sekurang-kurangnya RM23 juta nilai jualan selepas setahun produk pertanian jenama Ehsan dilancarkan di pasaran.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKPS, Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi berkata, produk berasaskan makanan itu akan berada di pasar

raya terkemuka, premis jualan PKPS, dalam talian, pasar borong serta bekerjasama dengan platform e-dagang mulai Januari tahun hadapan.

Katanya, pelancaran produk jenama Ehsan itu sebagai inisiatif PKPS menembusi industri runcit tempatan dengan membantu memasarkan produk pengusaha perusahaan kecil dan sederhana (PKS) termasuk yang terjejas akibat Covid-19.

"Ini juga salah satu inisiatif kita untuk penjenamaan dan merombak PKS berbanding tertumpu kepada pertanian atau industri seperti kelapa sawit kepada industri hiliran.

"Buat masa ini kita mempunyai 45 PKS dan jumlah itu akan meningkat kepada 150 orang yang akan menyertai projek jenama Ehsan ini,

"Sebagai permulaan, kita memasarkan 12 produk termasuk beras, minyak masak, gula dan ayam segar yang dikeluarkan dari ladang kita sendiri serta kita sasarkan boleh pasarkan 50 produk.

"Selain itu, sasaran kita sekurang-kurangnya RM23 juta nilai jualan pada tahun pertama dan RM85 juta tiga hingga empat tahun selepas produk Ehsan berada di pasaran," katanya kepada media selepas Majlis Pelancaran Produk Pertanian Jenama Ehsan di Pavillion Pameran PKPS sempena Selangor International Exhibition 2021 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, hari ini.

Majlis berkenaan disempurnakan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amiruddin Shari.

Menerusi projek Jenama Ehsan itu, Dr Mohamad Khairil berkata, PKPS akan cuba mengurangkan peranan orang tengah bagi memberi keuntungan lebih kepada pengusaha produk pertanian itu.

"Isu pekebun dan pesawah ialah mereka boleh mengeluarkan hasil tetapi isu timbul dari segi pemasaran kerana itu kita membantu memasarkan produk sedia ada di Selangor sekali gus cuba mengurangkan peranan orang tengah.

"Buat masa ini kita sasarkan di Selangor berdasarkan Inisiatif Menteri Besar iaitu inisiatif jaminan makanan Selangor, malah kita dalam proses bekerjasama dengan pihak ketiga iaitu syarikat berkemampuan untuk memasuki ke pasaran peringkat persekutuan.

"Paling penting, apabila kita dapat masuk industri secara komersial, hasil diperoleh akan diperuntukkan iaitu RM2 hingga RM3 juta kepada rakyat menerusi program Agro Ehsan serta Bantu Ehsan untuk membantu mereka yang terjejas Covid-19," katanya.

Disiarkan pada: November 18, 2021 @ 3:48pm

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/11/2021	SARAWAK VOICE	ONLINE	

Kukuhkan pelaksanaan tanggungjawab KPDNHEP



KUALA LUMPUR: Pandangan dan cadangan ahli-ahli parlimen dapat membantu memperkukuhkan lagi dasar dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk dilaksanakan.

Menterinya, Dato Sri Alexander Nanta Linggi memberitahu, usaha memastikan setiap

inisiatif dan program malah peruntukan yang telah digariskan dalam Bajet 2022 kali ini dilaksanakan dengan penuh ikhlas, dedikasi serta berlandaskan semangat Keluarga Malaysia.

Mengulas perkara berbangkit oleh Ahli Parlimen Port Dickson mengenai menjaga kepentingan hak cipta negara dan dilindungi dalam rundingan Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (CPTPP), beliau berkata, perlindungan harta intelek berpiawaian tinggi dapat meningkatkan keyakinan para pelabur untuk melabur dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang akan menggalakkan lebih banyak penghasilan reka cipta dan inovasi tempatan.

"KPDNHEP melalui agensinya, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) yang bertanggungjawab mentadbir dan mengurus perlindungan harta intelek di Malaysia telah mengambil langkah untuk mengemaskini Perundangan Harta Intelek sedia ada bagi memenuhi komitmen Malaysia dalam perjanjian-perjanjian antarabangsa yang Malaysia menjadi ahlinya.

"Perundangan dan penguatkuasaan harta intelek yang selaras dengan standard antarabangsa seperti mana yang dipersetujui dalam CPTPP akan menjadi antara tarikan kepada para pelabur dari negara ahli CPTPP dan juga negara-negara lain untuk bekerjasama dengan syarikat-syarikat tempatan dan menggalakkan perkongsian teknologi," katanya.

Sementara itu, mengulas cadangan oleh Ahli Parlimen Kulim Bandar Baharu mengenai mewujudkan sistem dua peringkat harga untuk barangan minyak masak, Alexander berkata, pelaksanaan sistem tersebut mempunyai potensi untuk mengurangkan perbelanjaan subsidi kerajaan.

Namun ianya masih memerlukan kajian yang mendalam khususnya kesan jangka masa panjang dan impaknya kepada persaingan dikalangan pemain industri sawit sebelum ianya boleh dimuktamadkan sebagai satu cadangan yang sesuai untuk dilaksanakan pada masa ini.

Bagi mengulas cadangan untuk mengawal dan memantau harga input pertanian dari Ahli Parlimen Pontian pula, Dato Sri Alexander memaklumkan, satu libat urus bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Malaysia (MAFI), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI) dan wakil persatuan industri pertanian bagi menangani isu kenaikan harga baja dan racun telah diadakan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/11/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Belanjawan 2022 Terengganu: Menyantuni denyut nadi warga tani



JABI merakamkan ucapan tahniah serta terima kasih kepada YAB MB atas pembentangan Belanjawan 2022 dan penyaluran peruntukan RM7.3 juta kepada sektor pertanian.

Saya mulakan ucapan ini dengan sekalung penghargaan kepada barisan hadapan petani, penternak dan nelayan yang terus tekun bekerja dalam situasi pandemik bagi

menghasilkan makanan yang kita makan setiap hari.

YB Bandar menyentuh program-program dalam PSPNT 2019-2023 didasarkan menjadi suatu solusi meringankan beban rakyat dengan objektif besar meningkatkan *food security* negeri. Usaha kita mula menampakkan hasil dengan peningkatan SSL makanan ruji padi. Tahun 2018 (43 peratus), 2019 (48 peratus) dan 2020 (53 peratus). SSL 2021 dianggarkan mencapai 55.8 peratus.

Program pembangunan tanah terbiar dengan peruntukan RM1 juta disentuh oleh Bandar. Negeri kita memiliki seluas lebih 8,000 ha tanah tanah terbiar, suatu jumlah yang sangat besar dan merugikan negeri. Dengan peruntukan RM1 juta ini, pilot projek sedang dilaksanakan di RTB Pengkalan Aman di Permaisuri Setiu dan RTB Kg Rahmat Langkap, perintis projek pembangunan tanah terbiar, kerjasama antara Kerajaan negeri, TADC serta pemilik-pemilik tanah, melibatkan 100 orang peserta dengan tanaman musang king dan Harum Manis @ Pauh Wongi Manih Leting sebagai tanaman pilihan. Kerajaan mensasarkan pendapatan bulanan minima RM3,000 sebulan kepada setiap peserta bagi mengeluarkan mereka dari garis kemiskinan.

YB Hulu Besut mengingatkan supaya berlaku adil dalam agihan kepada rakyat tanpa mengira apa pegangan politik. Saya bawa suatu contoh keadilan, tahun 2021 ini bila kerajaan agihkan 600 lesen nelayan sampan, salah satu syarat ialah warna bot mesti dicat hijau iaitu kod warna bot nelayan Terengganu sejak zaman berzaman, ramai nelayan yang marahkan saya walaupun bukan Exco Pertanian yang suruh cat hijau. Apa maknanya? Maknanya penerima lesen tersebut bukan orang hijau sebab tu mereka marah! Tapi saya tak sekat pun pemberian lesen untuk mereka.

Untuk Kemasik, Tahun 2020 Kerajaan telah membangunkan kandang lembu sado berkelompok di Kg Chabang Kerteh dan 4 orang peserta telah diberikan induk lembu sado bernilai kira-kira RM10,000 seekor. Kami menerima info, 2 ekor induk telah melahirkan zuriat *prince of sado*.

Penambahbaikan Pusat Veterinar Kg Chabang yang dicadangkan Kemasik, sukacita dimaklumkan bahawa JPV tidak memiliki PV di Chabang. Yang ada di Chabang ialah Lembah Kaprima. PV bagi Daerah Kemaman ialah PV Kerteh, PV Cheneh dan PV Air Puteh. Penternak Kg Chabang boleh memanfaatkan PV Kerteh dengan jarak kira-kira 10 km. Semua PV ini melalui proses tambah baik dari masa ke semasa.

LK Kg Chabang sedang dalam perancangan JPV untuk penambahbaikan. Sebahagiannya digunakan untuk projek lembu sado berkelompok. Sebahagian lagi seluas enam ekar telah ditanam rumput untuk keperluan penternak setempat. Kandang yang ada di LK Kg Chabang digunakan untuk menempatkan kambing-kambing berkeliaran.

Daerah Kemaman telah memiliki RS yang dibangunkan oleh Kerajaan Persekutuan di Kg Air, Chukai bernilai RM1 juta pada tahun 1993. Kerajaan ada menerima hasrat dari penternak di Kg Chabang agar dibangunkan rumah sembelihan di situ terutama untuk kegunaan pada musim raya haji. Setakat ini Kerajaan menilai adalah tidak begitu ekonomi dengan kos pembangunan untuk dibina sebuah rumah sembelihan dinisbahkan dengan jumlah ternakan di Padang Ragut Kg Chabang dan penggunaannya hanya secara bermusim. JPV ada mengeluarkan permit bagi kebenaran sembelihan di kawasan-kawasan yang bersesuaian sebagaimana permohonan daripada pemohon.

Rumah Sembelihan bagi Daerah Kemaman di Chukai mempunyai kapasiti sembelihan empat ekor sehari pada hari-hari biasa dan boleh ditingkatkan pada musim perayaan sehingga 15 ekor sehari. Setakat ini purata sembelihan hanya dua ekor sahaja sehari pada hari-hari biasa. Masih under utilized dengan izin. Tahun 2021, kerajaan negeri memperuntukan RM500,000 untuk membina rumah sembelihan di Marang yang merupakan satu-satunya daerah yang belum memiliki rumah sembelihan. Daerah-daerah lain semuanya telah memiliki RS. Majlis pecah tanah RS di Wakaf Tapai Marang akan diadakan pada 9 Disember 2021.

Tukun sebanyak sembilan unit bernilai RM216,000 telah dilabuhkan di Perairan Kemasik pada 1 Oktober 2021. Team kami meredah laut dengan gelombang angin Tenggara untuk nak selesaikan proses labuh tukun ini. YB kena bawa pancing gi test tengok ada ikan apa datang bertandang.

YB Permaisuri menyentuh Setiu sebagai Gedung Pengeluaran Makanan Negeri Terengganu. Senarai projek-projek di DUN Permaisuri:

1. Projek mega tanaman lada hitam di Bukit Bidong Setiu (RM386.4 juta)
2. Projek pengeluaran benih kerapu hibrid di Limau Nipis Setiu (RM8 juta)
3. Projek induk pengganda kambing tenusu di Kg Bari (RM1 juta)
4. Projek tanaman nenas MD2 di Pak Kancil (RM10 juta)
5. Projek ternakan lembu semi fidlot di Kg Pak Kancil (RM7 juta)
6. Projek tanaman ubi vitato berkelompok di Kg Banggol (RM560,000)
7. Projek tanaman napier di Kg Setia Jaya Merang (RM2 juta)
8. Projek tanaman kelapa di Kg Banggol Mukim Tasek (RM30 juta)
9. Projek nursery pertanian di Kg Putera Jaya (RM1 juta)
10. Projek pembangunan jeti pendaratan ikan di Sg Merang (RM25 juta)
11. Projek tanaman musang king di Kg Hulu Seladang & Sg Liring (RM4.8 juta)
12. Projek ternakan ayam bersepadu di Kg Banggol (RM10 juta)
13. Projek tanaman kontan di Kg Setia Jaya Merang (RM2.4 juta)
14. Projek pembangunan tanah terbiar di RTB Pengkalan Aman dan Kg Rahmat dengan tanaman MK dan Harum Manis

15. Projek ternakan ketam nipah oleh YDSM

16. Projek perluasan kawasan jelapang padi fasa 2dua Daerah Setiu

Kata YB Bukit Besi Terengganu tak akan maju dengan slogan. Saya sangat bersetuju dengan ungkapan ini. Kerana itulah dari 74 program yang disenaraikan dalam Tahun Pertanian Terengganu 2021, sebanyak 59 program atau 79.8 peratus daripadanya dengan peruntukan RM2,951,380 telah dijayakan perlaksanaannya. Sebelum tirai TPT 2021 ditutup, kerajaan negeri meyakini akan mampu melaksanakan lebih 85 peratus dari program yang tersenarai dalam kalendar dengan manfaat langsung kepada rakyat.

Kita tak hidup dengan slogan. Dari jumlah 45 projek pembangunan dalam kalendar TPT 2021, Kerajaan telah berjaya melaksanakan kesemua 45 projek melibatkan peruntukan RM12,436,335.

YB Jerteh bertanya apakah impak langsung program-program pertanian kepada rakyat? YB, kita perlu berada bersama rakyat untuk merasai impak dan denyut nadi rakyat. Apatah lagi penilaian kesan dari projek serta program adalah subjektif dan relatif. Pelaksanaan program dan projek yang terkandung dalam Pelan Strategik Pertanian Terengganu 2019-2023 sentiasa melalui proses penilaian semula sebagai analisa berkala terhadap kejayaan dan keberkesanannya. Saya dan team sentiasa berada di lapangan bersama petani, penternak dan nelayan, mendengar sendiri suka duka dan perit jerih rakyat kita.

Saya lihat sendiri kegembiraan para nelayan bila musim sotong tahun ini berpanjangan sehingga bulan Oktober apabila tukun yang dilabuhkan di kandang-kandang sotong berjaya halang aktiviti pukut tunda yang selalu merosakkan habitat sotong.

Ketika berdepan PKP, hasil akuakultur tak dapat dipasarkan, kerajaan memperuntukan RM200,000 untuk menyalurkan bantuan makanan ikan kepada 700 penternak akuakultur air tawar dan air payau yang berdaftar seluruh negeri. Tak sayugia kalau ia tak memberi apa-apa impak.

Kawasan sawah padi Kg Pengkalan Nangka, Kg Bharu dan Tok Saboh berjumlah ribuan ekar yang terbiar disebabkan kerosakan empangan sejak 2012, kini berjaya dihijaukan kembali. Projek yang telah memberi impak besar kepada petani dan penghasilan makanan negeri.

Pesawah di Skim Pengairan Che Mohid Setiu yang sekian lama berhadapan masalah pengairan, akhirnya diselesaikan dilema mereka dengan pembinaan empangan low weir dengan peruntukan Kerajaan Negeri. 200 ha tanah sawah kembali subur menghijau.

Peserta Padang Ragut Kg Oh Jabi sinonim dengan jalan becak dan berlumpur. Kita bina jalan baru dan menaikkan taraf padang ragut ini sebagai hub lembu sado. Jemput pergi melawat dan lihat bagaimana padang ragut ini telah berubah wajah.

Nelayan di Jeti Kg Batin Seberang Takir dan Kg Geliga Kemaman sekian lama menggunakan kemudahan jeti kayu yang uzur, merbahayakan serta berisiko. Kita tukar bina jeti baru konkrit yang kukuh. Tentu sekali ada impak kepada masyarakat nelayan.

Nelayan pantai tak cukup modal nak beli peralatan. Kerajaan Negeri belanja RM300,000 bagi bantuan peralatan untuk nelayan zon A. Antaranya fishfinder, peralatan memancing, kawat bubu dan pukut tangsi. Seramai 415 orang nelayan seluruh negeri telah mendapat manfaat.

Cuba selami perasaan apabila bantuan one off RM500 diagihkan kepada petani, penternak, nelayan yang disahkan positif Covid-19 sejak PKP Mac 2020 sehingga Jun 2021 ketika mereka sedang kesempitan.

Dalam musim PKP, kita berjaya agihkan 600 Lesen Nelayan Sampan yang menamatkan penantian mereka sejak berpuluh tahun yang lalu. Jemput YB turun tepi pantai jumpa mata dengan mereka ini dan dengar sendiri luahan isi hati para nelayan yang telah kelaut dari zaman remaja sampai tua. Akhirnya dapat juga rasa pegang buku lesen nelayan sampan.

Lada jatuh harga dan petani kehabisan modal untuk kembali bertanam. Kerajaan Negeri keluar peruntukan untuk bagi bantuan input benih, baja, racun, foliar, plastik UV, pam air dan beberapa peralatan lagi agar mereka boleh bangkit kembali. Ini program dengan impak langsung dan segera kepada rakyat.

Ketika penanam tembikai tak dapat pasarkan hasil dari lebih 200 ekar kebun disebabkan PKP pada Mac 2020, kerajaan negeri belanja lebih RM200,000 untuk beli hasil tembikai dan buka lebih 40 outlet jualan untuk bantu pemasaran. Penanam tembikai yang hampir menangis kembali senyum.

Perlaksanaan pelbagai program dan bantuan dari Januari-November 2021 telah memberi manfaat kepada seramai 3,447 petani, 622 penternak dan 1,880 nelayan dengan nilai RM3,051,380.

Panjang senarainya kalau nak hurai topik ini.

Way forward TPT 2021 ialah:

1. Apabila tamat pelaksanaan TPT 2021 pada Januari 2022 nanti, Sekretariat TPT bertanggungjawab mengukur pencapaian dan keberkesanan kepada semua golongan sasar melalui soal selidik di lapangan.
2. Sekretariat TPT bertanggungjawab memantau pelaksanaan serta menyediakan perancangan untuk menambahbaik PSPT 2019-2023.
3. Sekretariat TPT ditugaskan untuk menyediakan pelan perancangan kearah penubuhan Perbadanan Pertanian Negeri Terengganu. Negeri-negeri lain yang menjadikan pertanian sebagai teras ekonomi rakyat mempunyai perancangan yang bersistematik melalui Perbadanan Pertanian Negeri. Terengganu juga mempunyai perancangan ke arah penubuhan Perbadanan Pertanian Negeri melalui perancangan yang tuntas dan berbekalkan data yang tepat.

Perkembangan projek PSN di tiga tapak Besut, Setiu dan Kemaman. Projek pembinaan 50 unit rumah di setiap tapak dengan kos RM29 juta, RM13 juta dari peruntukan LKIM, baki RM16 juta dari peruntukan kerajaan negeri. Dalam jadual perancangan kerja, tender PSN Kemaman telah ditutup pada 14 November dan PSN Besut akan ditutup pada 25 November sementara PSN Setiu dalam proses tender. Seterusnya fasa laporan tender disusuli mesyuarat lembaga tender, SST kepada kontraktor dan kontraktor dijadualkan akan mula masuk tapak pada 5 Disember 2021 untuk PSN Kemaman. Alhamdulillah, perancangan PSN yang bermula dari Mei 2017, akhirnya bakal berjaya dilaksanakan pada tahun 2021. Terima kasih kepada pasukan kami dalam JK Khas PSN terdiri dari Kerajaan Negeri melalui UPEN dan SUK Perumahan, LKIM, JKR, PMINT, Pejabat Daerah, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah serta semua team yang terlibat menjayakan perancangan besar ini.

YB Kuala Besut ingin tahu status Padang Ragut Kg Tok Has Kuala Besut. Saya dah turun untuk bincang isu ini di lapangan sebagaimana janji saya kepada YB Kuala Besut dalam Sidang DUN sebelum ini, tapi orang kampung mari buat demo, angkat sepanduk dan banner menyebabkan perbincangan secara baik tak dapat diteruskan.

Padang Ragut Tok Has berkeluasan 73.15 ha sedang dalam proses nyahwarta oleh PTB untuk dipecahkan kepada lapan lot bagi tujuan RTB Perumahan dan pewartaan balik sebagai padang ragut.

Lot 3623, 3628, 3668, 3845, 2578 (telah ditambun), 2579, 2580 dan 2986. Lima lot iaitu Lot 3623, 3628, 3668, 3845 dan 2986 seluas 11.3085 ha akan diwartakan kembali sebagai Padang Ragut JPV manakala baki 3 lot akan dibatalkan warta padang ragut untuk dijadikan tapak rumah. Inilah jalan tengah terbaik ke arah win win situation.

Terdapat dua lagi padang ragut berhampiran iaitu Gong Melor, 4.93 ha dan Padang Ragut Gong Penaga, 4.7 ha sebagai alternatif kepada penternak.

Soalan YB Rantau Abang, Bagi menjamin pengurusan industri akuakultur negeri Terengganu yang lebih teratur, kerajaan bakal melaksanakan penguatkuasaan Kedah-Kaedah Perikanan Darat Negeri Terengganu yang dibaca bersama Akta Perikanan 1985. Akta Perikanan hanya mempunyai peruntukan untuk mengawal sektor perikanan laut sahaja. Kerana itu kerajaan negeri perlu kepada Kaedah-Kaedah Perikanan Darat yang telah diluluskan MMKN pada 28 April 2021. Penguatkuasaan akan dilaksanakan pada awal 2022 dimulakan dengan hebahan secara holistik kepada pengusaha seterusnya penguatkuasaan bermula Jun 2022.

Terima kasih YB Manir yang perihatin untuk mengekalkan kawasan tanah pertanian khususnya padi. Pertimbangan tukar syarat tanah padi kepada kegunaan lain tertakluk kepada beberapa perkara yang telah dijelaskan dalam sesi soalan lisan.

1. Rancangan Tempatan Daerah dan zon guna tanah
2. Pandangan teknikal dari Jabatan-Jabatan seperti Jabatan Pertanian, Pelan Malaysia, PBT, PTG dan lain-lain
3. Tinjauan sebenar di lapangan

Secara dasarnya, kawasan penanaman padi aktif terutama yang berada dalam kawasan Jelapang Padi IADA Ketara adalah perlu dikekalkan sebagai sawah padi demi kelangsungan sumber bekalan makanan negeri. Bagi kawasan sawah yang tidak lagi aktif bertanam maka bolehlah dipertimbangkan untuk kegunaan lain seperti lot kediaman dan penempatan.

Kerajaan memahami keperluan penempatan dan perumahan baru diwujudkan seiring dengan pertambahan jumlah penduduk. Tapi dalam masa yang sama, keperluan sawah padi yang menghasilkan sumber makanan rakyat juga perlu dipertahankan.

Isu yang dibangkitkan YB Seberang Takir.

Tumpuan bukan hanya kepada padi. RM2.5 juta adalah peruntukan untuk kerajaan negeri menyelesaikan masalah infrastruktur pengairan dan kesuburan tanah sawah di kawasan luar jelapang padi seluas kira-kira 7,000 ha.

Penanaman buah-buahan yang ditimbulkan Seberang Takir juga menjadi tumpuan kerajaan. Antara strategi dalam PSPT 2019-2023 ialah menaik taraf kawasan penanaman buah-buahan sedia ada dan membuka kawasan baru bagi penanaman buah-buahan terpilih.

Tahun 2020 sebanyak RM1.7 juta diperuntukan untuk pembangunan kawasan, infra pengairan, pemasaran dan bantuan input serta insentif penanaman buah-buahan.

RM247,507 telah diperuntukan untuk bantuan pemasaran lambakan hasil tembikai dari ladang seluas 200 ha di Setiu dan Marang ketika PKP Mac 2020.

Dana SBMT sebanyak RM179,875 dimanfaatkan oleh 12 petani sektor buah-buahan terpilih sehingga tahun 2021.

Kemudahan proses buah-buahan segar bertaraf GMP di FAMA Besut. Kemampuan proses 3 mt sehari dan kemampuan simpan 15 mt pes durian dalam satu-satu masa.

Kerajaan juga menyediakan kemudahan insentif ladang kontrak.

Manfaat kepada petani untuk program buah-buahan tahun 2020. Durian 20 orang, harum manis 24 orang dan buah-buahan jangka panjang seperti mangga, nangka, limau, duku, longan dan rambutan seramai 303 orang.

Terengganu juga merupakan antara pengeluar tembikai terbesar di Malaysia dengan keluasan kira-kira 1,000 ekar yang diusahakan secara berperingkat berdasarkan penjadualan yang diatur Jabatan Pertanian Negeri.

Akhir sekali, terima kasih kepada semua jabatan dan agensi yang berada dalam keluarga besar pertanian Terengganu. Terima kasih kepada semua warga tani, nelayan dan penternak yang mewakili 70 peratus rakyat Terengganu. Perjalanan kita masih jauh. Ranjau dan halangan masih banyak. Kekalkan fokus dan giatkan usaha. Kepada Allah kita berserah segalanya. – **HARAKHADAILY**
18/11/2021



19 NOV, 2021

Beli cendawan komersial elak keracunan makanan: Pensyarah UMT

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Beli cendawan komersial elak keracunan makanan: Pensyarah UMT

KUALA TERENGGANU: Orang ramai diingatkan agar hanya membeli cendawan komersial yang dijual di pasar, atau cendawan liar biasa yang dijual di pasar-pasar tani bagi mengelak insiden keracunan makanan.

Pensyarah Kanan Fakulti Sains dan Sekitaran Marin Universiti Malaysia Ter-

engganu Dr Aqilah Mohammad berkata ini kerana tidak semua cendawan yang zahirnya kelihatan cantik, gebu dan besar, selamat dimakan.

Beliau berkata cendawan mengandungi toksin yang berbeza untuk setiap spesies, dan ada cendawan yang boleh menyebabkan

gejala iritasi kepada badan manusia seperti loya, muntah, ciri-birit, demam dan ada juga toksin yang boleh menyebabkan gangguan halusinasi, kekeliruan fikiran kepada manusia.

"Paling membimbangkan, kesan toksin cendawan juga boleh membawa maut sekiranya tidak dirawat den-

gan segera. Tidak semua orang berkemahiran mengenali pasti spesies cendawan manakah yang boleh dimakan dan tidak boleh dimakan di persekitaran mereka.

"Oleh itu langkah terbaik adalah membeli cendawan komersial sahaja," katanya ketika dihubungi Bernama semalam. — Bernama

resre



19 NOV, 2021

Beli cendawan komersial elak keracunan makanan: Pensyarah UMT

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA TERENGGANU: Orang ramai diingatkan agar hanya membeli cendawan komersial yang dijual di pasar, atau cendawan liar biasa yang dijual di pasar-pasar tani bagi mengelak insiden keracunan makanan. Pensyarah Kanan Fakulti Sains dan Sekitaran Marin Universiti Malaysia Terengganu

Dr Aqilah Mohammad berkata ini kerana tidak semua cendawan yang zahirnya kelihatan cantik, gebu dan besar, selamat dimakan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/11/2021	HARIAN METRO	LOKAL	26



TENGGU Amir Shah (dua dari kiri) diiringi Amirudin (kiri) dan Dr Mohamad Khairil (tiga dari kiri) berkenan menyempurnakan pelancaran majlis pelancaran jenama Ehsan, semalam.

PKPS sasar RM23 juta nilai jualan produk Ehsan

Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) menyasarkan sekurang-kurangnya RM23 juta nilai jualan selepas setahun produk pertanian jenama Ehsan dilancarkan di pasaran.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKPS, Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi berkata, produk berasaskan makanan itu akan berada di pasar raya terkemuka, premis jualan PKPS, dalam talian, pasar borong serta bekerjasama dengan platform e-dagang mulai Januari tahun hadapan.

Katanya, pelancaran produk jenama Ehsan itu sebagai inisiatif PKPS menembusi industri runcit tempa-

tan dengan membantu memasarkan produk pengusaha perusahaan kecil dan sederhana (PKS) termasuk yang terjejas akibat Covid-19.

"Ini juga salah satu inisiatif kita untuk penjenamaan dan merombak PKS berbanding tertumpu kepada pertanian atau industri seperti kelapa sawit kepada industri hiliran.

"Buat masa ini kita mempunyai 45 PKS dan jumlah itu akan meningkat kepada 150 orang yang akan menyertai projek jenama Ehsan ini.

"Sebagai permulaan, kita memasarkan 12 produk termasuk beras, minyak masak, gula dan ayam segar yang

dikeluarkan dari ladang kita sendiri serta kita sasarkan boleh pasarkan 50 produk.

"Selain itu, sasaran kita sekurang-kurangnya RM23 juta nilai jualan pada tahun pertama dan RM85 juta tiga hingga empat tahun selepas produk Ehsan berada di pasaran," katanya kepada media selepas Majlis Pelancaran Produk Pertanian Jenama Ehsan di Pavillion Pameran PKPS sempena Selangor International Exhibition 2021 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam.

Majlis berkenaan disempurnakan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amiruddin Shari.

19/11/2021

BERITA
HARIAN

NASIONAL

25

Produk jenama Ehsan pasar hasil petani Selangor

Kuala Lumpur: Pengeluar produk tani di Selangor dijangka tidak perlu bergantung lagi kepada peranan orang tengah untuk memasarkan hasil keluaran mereka menerusi inisiatif Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) yang melancarkan projek jenama 'Ehsan'.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKPS, Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi, berkata pihaknya akan cuba mengurangkan peranan orang tengah bagi memberi keuntungan yang lebih kepada pengusaha produk pertanian itu sendiri.

"Pekebun dan pesawah boleh mengeluarkan hasil, tetapi isu timbul dari segi pemasaran kerana itu kita membantu memasarkan produk sedia ada di Selangor melalui projek ini, sekali gus cuba mengurangkan peranan orang tengah.

"Pada masa ini, kita sasar di Selangor berdasarkan inisiatif Menteri Besar iaitu inisiatif jaminan makanan Selangor," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Pelancaran Produk Pertanian Jenama Ehsan di Pavillion Pameran PKPS sem-

pena Selangor International Exhibition 2021 di sini, semalam, yang disempurnakan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Dr Mohamad Khairil berkata, PKPS mampu menjana sekurang-kurangnya RM23 juta nilai hasil jualan selepas setahun produk pertanian jenama Ehsan dilancarkan di pasaran.

Katanya, produk berasaskan makanan itu akan berada di pasar raya terkemuka, premis jualan PKPS, jualan dalam talian, pasar borong serta platform e-dagang mulai Januari tahun hadapan.

"Pada masa ini, ada 45 PKS menyertai projek jenama ini dan akan meningkat kepada 150. Sebagai permulaan, kita memasarkan 12 produk termasuk beras, minyak masak, gula dan ayam segar yang dikeluarkan dari ladang sendiri serta kita sasar boleh memasarkan 50 produk," katanya.

Beliau berkata, produk jenama Ehsan juga adalah inisiatif PKPS untuk menembusi industri runcit tempatan dengan



Tengku Amir Shah (dua dari kiri) diiringi Amirudin (kiri) dan Dr Mohamad Khairil melihat hasil tani pada Majlis Pelancaran Produk Pertanian Jenama Ehsan di Pavillion Pameran PKPS di KLCC, semalam.

(Foto Aswadi Alias/BH)

iaitu syarikat berkemampuan untuk memasuki ke pasaran peringkat nasional.

"Paling penting, apabila dapat masuk industri secara komersial, hasil yang diperoleh kita peruntukan RM2 juta hingga RM3 juta kepada rakyat menerusi program Agro Ehsan serta Bantu Ehsan untuk membantu mereka yang terjejas akibat COVID-19," katanya.

jumlah itu akan meningkat kepada 150 yang akan menyertai projek jenama Ehsan ini.

"Selain itu, sasaran kita sekurang-kurangnya RM23 juta nilai jualan pada tahun pertama dan RM85 juta dalam tempoh tiga hingga empat tahun selepas produk Ehsan berada di pasaran.

"Kita juga dalam proses bekerjasama dengan pihak ketiga,

membantu memasarkan produk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Selangor, termasuk yang terjejas akibat penularan COVID-19.

"Ini juga antara inisiatif kita dalam proses penyediaan dan rombakan PKS berbanding tertumpu kepada pertanian atau industri seperti kelapa sawit ke- pada industri hiliran.

"Kita mempunyai 45 PKS dan